

# USIM laksana tujuh teras strategik

**SEREMBAN 6 Dis.** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menggariskan tujuh teras strategik untuk dilaksanakan selepas ini bagi menjadikannya sebagai institusi rujukan serantau dalam bidang integrasi ilmu naqli dan aqli.

Teras itu dihasilkan semasa pemukiman pengurusan universiti bersama ahli-ahli strategik universiti sempena Bengkel Pelan Strategik dan Integrasi Ilmu Naqli-Aqli (Akhir Tahun) 2015 bertempat di Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor yang bermula Khamis lalu dan berakhir hari ini.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM di sini hari ini, bengkel berkenaan diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

"Tujuh teras ini meliputi pelbagai bidang seperti akademik, inovasi, kemahasiswaan, sumber manusia dan kewangan selari dengan lonjakan Pelan Induk Pengu-



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

nan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Tinggi," katanya.

Antara teras digariskan pembelajaran dan pengajaran berteraskan ilmu naqli dan aqli; penyelidikan dan inovasi yang relevan kepada industri serta kesejahteraan ummah dan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Turut diberi perhatian aspek pengurusan dan pembangunan modal insan yang boleh menarik dan mengekalkan bakat terbaik bersifat global, pelbagai bahasa dan seimbang di samping kemudahan fizikal dan

prasarana kondusif bagi pembelajaran serta penyelidikan.

"Teras lain yang turut digariskan ialah penjanaan kekayaan serta penjenamaan dan pemosisian yang konsisten dan efektif," katanya.

Kata kenyataan itu lagi, teras yang dihasilkan itu juga secara tidak langsung menjadi sandaran USIM untuk menjadi rujukan di peringkat global pada 2025 dalam mengintegrasikan bidang ilmu itu.

Menurutnya, pada masa ini USIM berada pada landasan yang tepat untuk mencapai sasaran yang ditetapkan walaupun bakal berdepan cabaran kewangan pada tahun hadapan.

Peserta bengkel juga berpeluang mendengar kupasan menarik mengenai integrasi ilmu naqli dan aqli dalam pendidikan semasa yang disampaikan oleh Profesor Ulung Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof. Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan," katanya.